


Poligami? Tak perlu minta izin isteri pun

UTUSAN MALAYSIA (08/10/2019) M/S 15



CEMBURU, suami nak kahwin lagi malah sanggup menuduh isteri berzina. Itu antara faktor berlaku kes penceraian dalam kalangan umat Islam negara ini. Sepanjang 2018 sahaja, sebanyak 60,618 kes cerai telah didaftarkan di seluruh negara. Jumlah itu meningkat bagi tempoh lima tahun sejak 2014.

Mengapa ini berlaku? Adakah kerana kegagalan kerajaan dalam memberi kesedaran kepada masyarakat berhubung risiko penceraian itu? Atau adakah ia disebabkan kesukaran prosedur perkahwinan poligami di negara ini sehingga menyebabkan suami bertindak menceraikan isteri?



STATISTIK PENCERAIAN DI MALAYSIA

yang sedia ada.

Penceraian dan Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat melalui Dasar Keluarga Negara. JKSM juga sering mengadakan program-program bersama masyarakat dengan kerjasama Persatuan Pegawai Syariah Malaysia (PPSM) untuk memberi pendedahan berkaitan undang-undang syariah. Selain itu, kaunter-kaunter khidmat nasihat oleh JKSM dan mahkamah syariah, Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) dan Unit Sulh JKSM turut diadakan di karnival-karnival dan Unit Transformasi Bandar yang terpilih untuk memberi maklumat, mendengar serta membantu permasalahan yang dikemukakan masyarakat.

HANYA ENAM JAM

Prosedur perceraian sebagaimana yang

INFO

STATISTIK FAKTOR PERCERAIAN DI MAHKAMAH SYARIAH KUALA LUMPUR

1. Tiada persefahaman.
2. Masalah komunikasi.
3. Tiada kasih sayang/suami cemburu.
4. Berlaku perbalahan yang berpanjangan.
5. Kedua-dua pasangan ego dan saling mencabar antara satu sama lain.
6. Tidak mencapai kebahagiaan dalam rumah tangga.
7. Suami meninggalkan suruhan agama dan suami

mencaerikan isteri? Menjawab isu ini, Ketua Pengarah Jabatan Kehakiman Syariah (JKSM), Datuk Dr. Mohd. Na'im Mokhtar berkata, sekiranya pasangan tidak bahagia sepanjang tempoh perkahwinan dan tidak mampu lagi untuk hidup bersama, perceraian merupakan jalan terakhir bagi menyelesaikan konflik tersebut.

“Pernikahan poligami memerlukan kebenaran mahkamah dan tidak memerlukan kebenaran isteri tetapi isteri-isteri dipanggil bertujuan untuk menerangkan kepada mahkamah bahawa perkahwinan poligami yang dicadangkan itu adalah patut dan perlu,” katanya kepada *Cekmek Molek*, baru-baru ini.

PROSEDUR POLIGAMI MENYUSAHKAN?

Permohonan poligami di mahkamah syariah tidak menyukarkan pemohon, cuma ia bergantung penuh kepada suami bagaimana dia boleh membuktikan kemampuannya. Suami juga perlu memastikan kesan daripada perkahwinan itu tidak menyusahkan isteri pertama. Pernikahan poligami memerlukan kebenaran mahkamah dan tidak memerlukan kebenaran isteri. Walau bagaimanapun isteri-isteri dipanggil bertujuan untuk menerangkan kepada mahkamah bahawa perkahwinan poligami yang dicadangkan itu adalah patut dan perlu. Ia dilihat kepada aspek fizikal pemohon seperti kemandulan, keuzuran jasmani, tidak layak dari segi jasmani untuk persetubuhan, sengaja ingkar mematuhi perintah untuk pemulihan hak persetubuhan, atau gila dan nihak isteri atau isteri-isteri

SUAMI MAMPU SEMUA ASPEK

Selain itu, mahkamah juga memberi pertimbangan kepada kemampuan pemohon untuk menanggung nafkah tanggungannya termasuk orang yang akan menjadi tanggungannya berikutan dengan perkahwinan yang dicadangkan itu sebagaimana hukum syarak.

Mahkamah juga melihat kemampuan pemohon untuk memberi layanan sama rata kepada semua isterinya mengikut hukum syarak prosedur perkahwinan poligami. Ini bertujuan untuk mengawal perkahwinan poligami dibuat sesuka hati sehingga mendatangkan mudarat kepada isteri pertama, anak-anak dan bakal isteri-isteri yang akan dikahwini. Ia juga bermatlamat untuk menjaga keturunan agar semua perkahwinan yang dibuat sah dan didaftarkan menurut undang-undang selaras dengan prinsip *maqasid syariah*.

KAHWIN LUAR NEGARA

Kebanyakan suami berpoligami di luar negara kerana undang-undang syariah di Malaysia menetapkan mereka perlu membuktikan kemampuan untuk berpoligami. Mereka juga takut isteri pertama dapat mengetahui hasrat mereka yang ingin berkahwin lagi. Dia juga tidak dapat membuktikan kemampuan kepada mahkamah syariah dari segi fizikal dan material. Pembuktian ini amat dititikberatkan oleh undang-undang syariah kerana perkahwinan poligami memberi kesan kepada isteri, anak-anak, bakal isteri dan keluarga. Oleh itu prosedur



“ Sekiranya pasangan tidak bahagia sepanjang tempoh perkahwinan dan tidak mampu lagi untuk hidup bersama, perceraian merupakan jalan terakhir bagi menyelesaikan konflik tersebut.

MOHD. NA'IM MOKHTAR

perkahwinan poligami adalah menepati hukum syarak dan memberi keadilan kepada semua pihak.

GAGAL BERI KESEDARAN RISIKO BERCERAI?

Pelbagai usaha telah dilakukan kerajaan untuk mengukuhkan institusi kekeluargaan termasuklah mengelak berlaku perceraian atas sebab poligami. Usaha ini dibuat oleh Jabatan Kemajuan Islam (Jakim) melalui Bahagian Perkahwinan dan

diperintukkan di bawah Akta/Enakmen Undang-undang Keluarga Islam bertujuan menyelaraskan dan memudahkannya pihak-pihak untuk bercerai. Pelbagai inovasi telah dibuat mahkamah untuk mempercepatkan proses perceraian antaranya melalui inovasi *fast track* di Selangor dan E-Siap di Perak.

Kaedah *fast track* adalah bertujuan mengurangkan kerenah birokrasi dalam pengendalian kes cerai yang difailkan atas persetujuan bersama dalam masa enam jam berbanding sehingga 90 hari untuk diselesaikan sebelum ini.

Kaedah E-Siap pula membolehkan kes-kes persetujuan bersama diselesaikan dalam tempoh sehari. Kaedah-kaedah ini, bagaimanapun perlu memenuhi syarat ditetapkan seperti dokumen hendaklah lengkap, suami isteri hadir mahkamah dan wujud persetujuan antara suami isteri untuk bercerai secara baik dan harmoni. Selain itu, isteri hendaklah dalam keadaan suci dan tidak berlaku persetubuhan dalam tempoh suci itu dan mahkamah berpuas hati bahawa sudah berlaku pecah belah (*shiqaq*) dalam perkahwinan yang tidak dapat dipulihkan.

Kaedah yang diperkenalkan bukanlah bertujuan menggalakkan perceraian atau menyukarkan untuk bercerai, sebaliknya demi memudahkan pihak-pihak yang ingin bercerai.

KETIDAKADILAN KEPADA ISTERI?

Dakwaan mengenai ketidakadilan kepada isteri dari sudut nafkah dan sebagainya adalah sekadar nersensi IKSM

suruhan agama dari suami bersikap dingin terhadap isteri.

8. Campur tangan keluarga dalam hubungan suami dan isteri.
9. Suami sering keluar malam, curang, berhasrat berkahwin lagi.
10. Suami menghilangkan diri tanpa khabar berita.
11. Suami gagal memberi nafkah zahir sepanjang tempoh perkahwinan.
12. Suami tiada pekerjaan tetap dan isteri menanggung perbelanjaan rumah tangga.
13. Suami tidak memberi nafkah anak, isteri.
14. Suami pukul isteri dan mengambil dadah.
15. Penderaan fizikal dan emosi.
16. Suami tuduh isteri berzina.

telah mewujudkan Bahagian Sokongan Keluarga sejak 2008 bagi menguatkuasakan perintah nafkah di mahkamah syariah melalui tiga unit iaitu Unit Khidmat Nasihat Perundangan, Unit Pengurusan Dana dan Unit Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Perintah. Objektif utamanya ialah menguatkuasakan semua perintah nafkah yang telah diperintahkan oleh mahkamah syariah, memastikan tiada isteri dan anak menghadapi masalah tuntutan nafkah, memastikan perintah mahkamah syariah dihormati dan dilaksanakan serta memberi khidmat sokongan kepada keluarga Islam dalam semua hal yang melibatkan mahkamah syariah